

# Pendekatan Maqasid Dakwah Terhadap Pemahaman Ikhtilat

## [Approach of Maqasid Dakwah Towards Understanding Ikhtilat]

Ahmad Syihan Ismail (*Corresponding author*)

Department of Syariah, Islamic Studies Faculty, Universiti Islam Antarabangsa

Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ), 02600 Perlis, Malaysia,

[syihanismail@kuips.edu.my](mailto:syihanismail@kuips.edu.my)

Siti Nur Hazirah Hamid

Master's Candidate, Department of Usuluddin, Islamic Studies Faculty, Kolej

Universiti Islam Perlis (KUIPs), 02600, Malaysia,

[syifaasolehah17@gmail.com](mailto:syifaasolehah17@gmail.com)

Yusuf Marlon Abdullah

Centre of Indigenous Ethnic Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), Bangi,

Selangor, Malaysia, [yusufmarlon@uis.edu.my](mailto:yusufmarlon@uis.edu.my)

Rosli Mokhtar

Department of Shariah, Faculty of Shariah and Law Centre, Universiti Islam

Selangor (UIS), Bangi, Selangor, Malaysia, [rosli@uis.edu.my](mailto:rosli@uis.edu.my)

Article  
Progress:

Submission date:  
1 Dec 2024

Accepted date:  
20 Dec 2024

### ABSTRACT

This article examines the application of the Maqasid Dakwah approach to understanding the fiqh of ikhtilat, addressing a critical issue faced by contemporary Islamic communities: the challenges of managing gender interactions in educational and workplace settings while upholding Islamic principles. This issue is compounded by the tension between adhering to Islamic guidelines and accommodating the realities of modern social environments. Utilizing primary sources such as the Qur'an, Sunnah, and scholarly perspectives, this study evaluates how Maqasid Dakwah principles—such as the preservation of ethics, community welfare, and harm prevention—can provide a comprehensive framework for addressing ikhtilat. The findings indicate that integrating Maqasid Dakwah into the discourse on ikhtilat not only ensures the preservation of Islamic values but also facilitates practical solutions aligned with contemporary needs. The study offers a holistic approach for educators, policymakers, and community leaders to establish ethical and effective guidelines for gender interactions in diverse social contexts.

**Keywords:** Maqasid Dakwah, Fiqh of Ikhtilat, Gender Interaction, Islamic Education, Modern Life

## PENDAHULUAN

Isu *ikhtilat* atau interaksi antara jantina merupakan topik penting dalam perbincangan Islam, terutamanya apabila berdepan dengan cabaran dan keperluan dunia moden. Dalam konteks pendidikan dan pekerjaan, masyarakat Islam seringkali perlu mengimbangi antara pematuhan kepada prinsip-prinsip syariah dan realiti sosial semasa yang kompleks. Penerapan hukum *ikhtilat* memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap tujuan sebenar yang ingin dicapai oleh syariah, atau dikenali sebagai *Maqasid Syariah*, bagi memastikan amalan yang adil, selamat, dan bermanfaat.

Pendekatan *Maqasid Dakwah* menjadi penting dalam usaha ini, kerana ia memberi panduan bukan sahaja dari segi pemahaman hukum tetapi juga dari aspek hikmah dan kesejahteraan. Dengan menggunakan prinsip-prinsip *maqasid*, iaitu pemeliharaan akhlak, kesejahteraan masyarakat, dan pencegahan kemudaratan, pendekatan ini membolehkan satu rangka kerja yang dinamik bagi mengurus isu *ikhtilat* yang relevan dalam konteks pendidikan Islam dan kehidupan sosial yang lebih luas. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana Maqasid Dakwah dapat dijadikan asas dalam memahami *ikhtilat* secara berkesan, sekaligus menawarkan garis panduan yang holistik dan praktikal untuk diaplikasikan oleh pendidik, pembuat dasar, dan pemimpin komuniti dalam menangani isu interaksi jantina.

## SOROTAN KAJIAN

### **Maqasid Dakwah**

Al-Quran Al-Karim meliputi pelbagai tujuan penurunan wahyu, termasuk ajaran tentang tauhid, hari kiamat, janji dan ancaman, serta kisah-kisah teladan. Tauhid berfungsi sebagai elemen asas dalam dakwah, menekankan pentingnya menyeru manusia kepada Allah dengan kepercayaan mutlak pada keesaan-Nya dan penyembahan hanya kepada-Nya.

Memahami *Maqasid Dakwah* melalui Al-Quran adalah penting dalam usaha mengajak manusia kepada Islam. Hikmah dalam seruan kepada Allah dan kesederhanaan dalam komunikasi, terutama dalam konteks budaya dan pendidikan, juga ditekankan. Kepentingan toleransi, kesederhanaan dalam dakwah dan penggunaan media sosial sebagai alat untuk menyebarkan agama adalah aspek utama memahami *Maqasid Dakwah* (Jadd Ar-Rabb, 2020).

Menurut M'bākī Šamb (2019), *Maqasid Dakwah* boleh diterokai melalui tiga aspek utama: sejarah pemikiran *Maqasid*, *Maqasid Dakwah* para nabi dan rasul, serta Maqasid kerasulan Nabi Muhammad. Ketiga-tiga aspek ini menawarkan kerangka untuk memahami kedalaman dan skop Maqasid Dakwah seperti yang diterangkan dalam Al-Quran dan Sunnah.

Menurut Qarah (2022), memahami dan menerapkan *maqasid Al-Kulliyah* yang seiring dengan wahyu adalah penting untuk mencapai dakwah yang berkesan. Ini termasuk memastikan hubungan yang jelas antara dakwah dan *aqidah*, seperti penerapan maqasid dalam isu-isu iman, *ghaibiyat*, dan kerasulan. Hubungan antara maqasid dan syariah, termasuk memastikan sumber pengetahuan syariah yang tepat, maqasid kesyumulan dan kesejagatan syariah, serta praktis yang sesuai dengan zaman sangat penting untuk diterapkan di dalam konteks *Maqasid Dakwah*. Selanjutnya, *Maqasid Dakwah* kepada Allah SWT melibatkan pemeliharaan akal, pemahaman yang selaras dengan syariah, pencapaian kesederhanaan dan keseimbangan, serta menjadi teladan dalam dakwah. Semua matlamat ini dikaji dalam konteks mengembangkan kefahaman yang konsisten dengan wahyu dan apa sahaja yang berkaitan dengan *maqasid al-juz'iyyah*.

Meneliti *maqasid* utama dalam usaha dakwah kepada Allah SWT, termasuk menegakkan kalimah tauhid, menyediakan hujah yang jelas kepada sasaran dakwah, membimbing mereka ke arah hidayah, menegakkan kalimah Allah di muka bumi, dan memelihara *dhoruriyyat al-khamsah*. Pentingnya persiapan yang menyeluruh bagi pendakwah untuk memastikan pemeliharaan *Maqasid Dakwah*, yang meliputi persiapan akhlak, ilmu, dan latihan praktikal di lapangan. Perbincangan utama adalah tentang kesan penerapan fiqah *Maqasid Dakwah* terhadap kehidupan pendakwah, dengan tujuan untuk memahami bagaimana usaha mencapai Maqasid Dakwah dapat memberikan kesan positif dalam kehidupan mereka. Selain itu, mengkaji salah faham terhadap Maqasid Dakwah dan impaknya terhadap pendakwah serta cara-cara untuk mengatasinya. Perbincangan turut merangkumi bagaimana salah faham boleh menghalang usaha dakwah dan menawarkan strategi untuk mengatasi halangan tersebut (Quud, 2012).

Penerapan syariah dalam kegiatan dakwah adalah kritikal, terutama dalam usaha memelihara maslahah dan menutup segala pintu mafsadah. Menurut Al-

Harithi (2019), pendakwah perlu mengutamakan kepentingan *dharuriyyat* berbanding *haajiyat* dan *tahsiniyat* ketika wujud pertembungan. Kajian ini menyimpulkan bahawa penerapan maqasid syariah perlu melibatkan empat komponen utama dalam diri pendakwah, iaitu: maqasid syariah untuk pendakwah itu sendiri, maqasid syariah dalam topik dakwah, serta *maqasid syariah* dalam metodologi dan pendekatan dakwah. Berdasarkan lima tema tersebut, kajian mengenai maqasid dakwah menunjukkan bahawa gabungan fiqh *maqasid* dan pemikiran *maqasid* tidak terhad kepada aspek hukum syariah sahaja, tetapi juga boleh diaplikasikan dalam konteks yang lebih luas seperti pembangunan tamadun dan penggerakan pembangunan ummah melalui dasar-dasar maqasid dakwah dan kehebatannya.

### ***Ikhtilat***

Interaksi antara lelaki dan wanita di ruang awam dan peribadi boleh membawa kepada pelbagai bentuk tingkah laku yang tidak sesuai, seperti pandangan, sentuhan, ketawa, atau percakapan, yang mungkin berlaku semasa aktiviti seperti belajar, bekerja, melancong, atau berurus niaga. Perbezaan antara apa yang dibenarkan dan apa yang dilarang mengenai interaksi jantina penting untuk difahami. Selain itu, kajian dari aspek linguistik dan terminologi pengasingan jantina seperti yang diterangkan dalam Al-Quran dan Sunnah mengembangkan kefahaman berkenaan batas *ikhtilat*. Tambahan pula, semua empat mazhab fiqh Islam bersetuju mengenai larangan pergaulan antara jantina. Walaubagaimanapun, pergaulan jantina adalah dibenarkan dalam keadaan tertentu apabila perlu, dengan syarat mematuhi peraturan mengenai pandangan, pakaian, pertuturan, dan susunan tempat duduk (Abdul Wahed, 2022).

Gejala *ikhtilat* telah meluas dalam masyarakat dan kesan besar yang ditimbulkannya perlu diteliti. Fenomena ini telah merebak secara meluas dan hampir tiada masyarakat yang terlepas dari kesan *ikhtilat*, yang membawa impak yang signifikan. Usaha yang perlu dilakukan adalah untuk mendefinisikan *ikhtilat* dari segi bahasa dan terminologi, serta menjelaskan bukti-bukti hukum dan keputusan syariah mengenainya. Selain itu, keperluan untuk mengenal pasti masalah yang mungkin timbul akibat *ikhtilat* serta mencari penyelesaian yang sesuai dalam kerangka hukum Islam (Nuaimi, 2024).

Islam secara jelas melarang campur gaul dalam semua bentuk dan sebabnya, baik dalam konteks pendidikan, pekerjaan, kajian, kelas universiti, persidangan, seminar, atau mesyuarat peribadi dan awam.

## METODOLOGI KAJIAN

Perlaksanaan kajian ini berkait dengan jenis kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kajian mendalam tentang *Maqasid Dakwah* dan *ikhtilat*, termasuk sumber-sumber utama seperti Al-Quran, Sunnah, serta karya-karya akademik dan penulisan para sarjana seperti Jadd Ar-Rabb (2020), M'bākī Şamb (2019), Qarah (2022), dan Abdul Wahed (2022). Analisis ini akan meliputi definisi maqasid dakwah dan ikhtilat, sejarah pemikiran maqasid, dan perspektif fiqh mengenai ikhtilat antara jantina. Melalui analisis dokumen, teks-teks syariah dan dokumen perundangan Islam akan dinilai untuk memahami pandangan mengenai ikhtilat dan aplikasi maqasid dakwah dalam konteks tersebut.

## DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

### Pemahaman Menyeluruh tentang *Maqasid Dakwah* dan *Ikhtilat* Definisi Maqasid

*Maqasid Dakwah* dari sudut bahasa adalah istiqamah, sederhana di dalam sesuatu urusan dan tidak melampau. Secara ringkasnya para sarjana arab memahami istilah maqasid sebagai: "Segala sesuatu yang dituju, dan diinginkan untuk dicapai dan diperoleh, dengan melakukan penyebab-penyebabnya dan mengikuti jalan yang mengarah kepadanya, tanpa apa yang dihasilkan dari tindakan tersebut akibat kesalahan, paksaan, atau lupa." (Al-Firuzabadi, 2005).

*Maqasid Dakwah* dari sudut istilah adalah: Tugas, tujuan dan hikmah para nabi dan Rasul diutuskan oleh Allah SWT (M'bākī Şamb, 2019). Berdasarkan definisi ini, tugas dan tujuan para nabi dan rasul adalah mengajak manusia untuk menyembah Allah iaitu dengan menegaskan pentingnya ibadah kepada Allah semata dan menolak syirik. Kemudian memberikan petunjuk kepada umat manusia dengan cara menyampaikan ajaran yang membantu manusia memahami perbezaan antara yang benar dan yang salah. Bahkan menjadi teladan yang baik, iaitu para nabi menjadi contoh dalam akhlak dan perilaku, sehingga orang lain boleh mengikuti jalan kebaikan.

Tujuan diutuskan nabi adalah untuk menegakkan keadilan iaitu dengan cara berusaha untuk mewujudkan keadilan sosial dan politik diantara manusia. Para nabi juga memperingatkan manusia dari perlakuan dosa dengan menerangkan akibat dari perbuatan dosa dan kesannya di dunia dan akhirat. Seterusnya maqasid diutuskan para nabi adalah untuk membangun nilai-nilai dan moral dan menguatkan nilai-nilai kemanusiaan seperti kejujuran, amanah, kasih sayang dan kerjasama (Al-Jauziyah, 1411 H).

Para nabi juga mempersiapkan umat untuk kehidupan setelah mati dengan cara mengingatkan pentingnya amal baik dan persiapan untuk kehidupan setelah mati. Bahkan baginda menetapkan dasar-dasar perdamaian serta mengajak kepada perdamaian dan toleransi antara individu dan masyarakat. Akhirnya, mereka mewujudkan perubahan sosial pesanan untuk melawan korupsi dan penindasan serta mendorong perbaikan. Semua tugas ini bertujuan untuk membangun masyarakat yang baik dan seimbang yang direndai Allah dan membawa kebaikan bagi umat manusia (Ridha, 1406 H).

### Definisi *Ikhtilat*

Definisi Bahasa: Dalam konteks bahasa Arab, istilah "*ikhtilat*" membawa erti percampuran atau penggabungan secara umum, yang merujuk kepada keadaan di mana dua atau lebih entiti saling bertembung atau bergabung antara satu sama lain (Ibn Manzur, 1414 H).

Definisi Istilah (Syariat): Dalam konteks syariat Islam, "*ikhtilat*" merujuk kepada pergaulan atau percampuran antara lelaki dan wanita yang bukan mahram di tempat awam atau peribadi. Pergaulan ini dianggap berpotensi menimbulkan fitnah, baik melalui pandangan, percakapan, mahupun sentuhan, dalam urusan harian seperti pembelajaran, pekerjaan, perjalanan, atau perdagangan (Ibn Baz, 1423 H).

Keadaan *ikhtilat* yang dilarang boleh dibahagikan kepada dua kategori utama:

1. ***Ikhtilat* yang melibatkan khawatir**, di mana khawatir merujuk kepada situasi di mana seorang lelaki dan seorang perempuan berada bersama di tempat yang tiada orang lain yang melihat atau hadir bersama mereka.

2. ***Ikhtilat* yang bersifat sementara (*Al-A'bîr*)**. Pergaulan ini biasa berlaku kerana keperluan hajat seperti urusan jual beli, belajar dan urusan kerja. Jika jauh dari fitnah, tidak melembutkan suara dan menjaga pandangan, maka *ikhtilat* pada bahagian ini dibenarkan (Şaqr, S. M, 2011).

Bagi bahagian pertama, Ada tiga situasi khalwat:

1. Apabila kedua-dua individu adalah mahram, di mana ijmak para ulama menyatakan bahawa khalwat tidak berlaku dalam kes ini.
2. Apabila seorang lelaki berada bersama sekumpulan perempuan. Ini adalah pandangan yang masyhur dalam mazhab Hanabilah.
3. Apabila seorang perempuan berada bersama sekumpulan lelaki, di sini ada dua pandangan. Pandangan pertama mengatakan tidak khalwat. Tetapi ia adalah pandangan yang lemah. Manakala pandangan yang kuat adalah perempuan yang berkeseorangan bersama sekumpulan lelaki tetap dianggap sebagai khalwat berdasarkan hadis Asma'.

Berdasarkan situasi ini, dapat difahami bahawa seseorang muslim hendaklah menjaga diri daripada perbuatan khalwat yang membawa kepada perbuatan haram. Bahkan mengelakkan diri dari perbuatan khalwat secara mutlak jika dibimbangi fitnah termasuk dalam kategori hukum pengharaman secara *wasa'iil* (Abdel Waheed, 2022).

Pada bahagian kedua, *ikhtilat* berlaku dalam keadaan keperluan sepertimana hadis berikut:

خَرَجَتْ سَوْدَةُ بْنُتُ زَمْعَةَ لَيْلًا، فَرَأَاهَا عُمَرُ فَعَرَفَهَا، فَقَالَ: إِنَّكِ وَاللَّهِ يَا سَوْدَةُ مَا تَحْفِيْنِ  
عَلَيْنَا، فَرَجَعَتْ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَتْ ذَلِكَ لَهُ، وَهُوَ فِي حُجُّرَتِ يَتَعَشَّى،  
وَإِنَّ فِي يَدِهِ لَعْرِقًا، فَأَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْهِ، فَرُفِعَ عَنْهُ وَهُوَ يَقُولُ: قَدْ أَذِنَ اللَّهُ لَكُنَّ أَنْ تَخْرُجَنَ  
لِحَوَائِجِكُنَّ.

Maksudnya:

“Sauda binti Zama'ah keluar di malam hari, dan Umar melihatnya dan mengenalnya. Dia berkata: 'Demi Allah, wahai Sauda, kamu tidak boleh

menyembunyikan dirimu dari kami.' Sauda pun kembali kepada Nabi Muhammad SAW dan menyebutkan hal itu kepadanya, sementara beliau berada di dalam kamarnya sedang makan malam, dan di tangannya ada sepotong daging. Kemudian Allah menurunkan wahyu kepadanya, lalu beban itu diangkat dari beliau, dan beliau berkata: 'Allah telah memberikan izin kepada kalian untuk keluar untuk keperluan kalian'. (Riwayat Bukhari)

Teks ini menunjukkan bagaimana Nabi Muhammad SAW mendapatkan wahyu mengenai kebenaran bagi perempuan untuk keluar rumah untuk keperluan tertentu.

### **Sejarah *Maqasid Dakwah & Ikhtilaf***

#### ***Maqasid Dakwah***

Sejarah *maqasid dakwah* berkait rapat dengan tujuan kenabian dan kerasulan. Sepertimana firman Allah S.w.t :

وَلَقَدْ بَعَثْنَا فِي كُلِّ أُمَّةٍ رَسُولًا أَنِ اعْبُدُوا اللَّهَ وَاجْتَنِبُوا الطَّاغُوتَ فَمِنْهُمْ مَنْ هَدَى

اللَّهُ وَمِنْهُمْ مَنْ حَقَّتْ عَلَيْهِ الضَّلَالَةُ

Maksudnya:

"Dan sungguh, Kami telah mengutus seorang rasul di setiap umat untuk menyerukan: 'Sembahlah Allah dan jauhilah *Thaghut*'. Maka di antara mereka ada yang Allah beri petunjuk, dan di antara mereka ada yang telah pasti ditimpah kesesatan". (Surah Al-Nahl:36)

Pada ayat ini jelas menceritakan tujuan para rasul diutuskan untuk menyembah Allah yang Esa dan tidak berlaku syirik kepadaNya. Maka terzahir maqasid dan hikmah dari ayat ini atas dasar dua perkara iaitu ibadah dan menjauhi kesesatan. *Maqasid* ini tidak bercanggah diantara rasul dan para nabi, mereka diutus atas tujuan yang sama, hujah jelas pada pengakhiran utusan nabi adalah sama seperti para rasul yang lain (Mbākī Šamb, 2019).

#### ***Ikhtilaf***

Jika dilihat pada hukum syarak yang lampau didapati bahawa amalan mengasingkan lelaki dan perempuan wujud sejak sekian lama. Berdasarkan firman Allah SWT:

إِذْ قَالَتِ امْرَأَتُ عِمْرَانَ رَبِّي نَدْرُثُ لَكَ مَا فِي بَطْنِي مُحَرَّرًا فَتَعْلَمَ مِنِّي إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Maksudnya:

“Ketika isteri Imran berkata, ‘Ya Tuhanmu, sesungguhnya aku bernazar untuk Engkau apa yang ada di dalam rahimku (aku akan mempersembahkannya) sebagai hamba yang bebas. Maka terimalah dariku, sesungguhnya Engkau Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”. (Surah Ali Imran: 35)

Ayat ini menceritakan perihal ibu Maryam yang bernazar jika melahirkan anak, untuk diletakkan di biara, Baitulmaqdis sebagai khadam untuk beribadah setulusnya kepada Allah SWT. Namun akhirnya anak perempuan dinamakan Maryam dilahirkan, menyebabkan ibu Maryam, Hannah Binti Faquz bimbang untuk menunaikan nazarnya itu memandangkan seorang anak perempuan tidak sesuai untuk berkhidmat di biara kerana batasan aurat dan mengelakkan *ikhtilat*, berbanding anak lelaki yang boleh berkhidmat sebagai seorang khadam tanpa halangan aurat dan juga *ikhtilat*. Jika dilihat konteks syarak sesuatu nazar itu wajib ditunaikan, apatah lagi berkaitan dengan ibadah ketaatan. Kecuali jika nazar itu membawa kepada perlanggaran hukum. Justeru difahami pada konteks ini, apabila Hannah dilepaskan dari nazar kerana melahirkan anak perempuan menunjukkan bahawa larangan *ikhtilat* di antara lelaki dan perempuan itu wujud sejak syariah Bani Israel lagi (Tabari, 1994). Allah SWT berfirman:

فَلَمَّا وَضَعَتْهَا قَالَتْ رَبِّي وَضَعْتُهَا أُنْتَيْ وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِمَا وَضَعَتْ وَلَيْسَ الذَّكْرُ

كَالْأُنْثَى وَإِنِّي سَمِّيَتُهَا مَرْيَمَ وَإِنِّي أُعِيدُهَا بِكَ وَذَرِّيَّتُهَا مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksudnya:

“Ketika dia melahirkan (Maryam), dia berkata, ‘Ya Tuhanmu, sesungguhnya aku telah melahirkannya seorang perempuan.’ Dan Allah lebih mengetahui apa yang dilahirkannya. Dan tidaklah sama laki-laki dengan perempuan. ‘Dan sesungguhnya aku telah menamakannya Maryam, dan sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu untuknya dan untuk keturunannya dari syaitan yang terkutuk’. (Surah Ali Imran: 36)

## Analisis Teks Syariah

Pada asasnya hukum ikhtilat adalah haram sama ada di tempat ibadah, tempat kerja dan tempat belajar. Dalil pengharaman boleh di lihat pada hadis nabi SAW:

عن رسول الله صلى الله عليه وسلم أنه قال: خير صنوف الرجال أولها وشرها

آخرها، وخير صنوف النساء آخرها وشرها أولها. رواه مسلم.

Maksudnya:

“Rasulullah ﷺ bersabda: ‘Sebaik-baik saf lelaki adalah yang di depan, dan seburuk-buruknya adalah yang di belakang. Sedangkan sebaik-baik saf wanita adalah yang di belakang, dan seburuk-buruknya adalah yang di depan’. (Riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis ini boleh la difahami bahawa kedudukan saf solat lelaki dan perempuan diasingkan dari berlakunya percampuran. Justeru jika tempat ibadah dijaga batas *ikhtilat* apatah lagi di luar tempat ibadah, kerana *ikhtilat* merupakan jalan berlakunya maksiat dan kerosakan. Sebab itulah Islam sangat mementingkan usaha mengasingkan diri dari *ikhtilat*.

Manakala dalil kedua berkaitan pengharaman *ikhtilat*:

عن أبي سعيد الخدري؛ قالت النساء للنبي صلى الله عليه وسلم: غلبنا عليك

الرجال، فاجعل لنا يوما من نفسك. فوعدهن يوما لقيهن فيه، فوعظهن وأمرهن

Maksudnya:

“Dari Abu Sa'id Al-Khudri r.a.: Para wanita berkata kepada Nabi ﷺ: ‘Kaum lelaki telah menguasai waktumu (sehingga kami tidak memiliki kesempatan). Maka, jadikanlah untuk kami suatu hari khusus darimu.’ Maka, Nabi ﷺ menjanjikan kepada mereka suatu hari di mana beliau menemui mereka, lalu beliau memberikan nasihat dan perintah kepada mereka. (Riwayat Bukhari)

Pada hadis ini menunjukkan nabi tidak menyuruh para wanita ketika itu untuk hadir bersama di dalam majlis ilmu bersama lelaki, bahkan nabi hadir mengajar pada majlis yang khusus bagi wanita.

Dalil yang ketiga menunjukkan bagaimana ketika khutbah Aidilfitri, nabi SAW menyampaikan khutbah bagi lelaki, kemudian nabi SAW menyampaikan pula khutbah kepada kaum wanita:

وعن جابر بن عبد الله قال: سمعته يقول: إن النبي ﷺ قام فبدأ بالصلاه، ثم

خطب الناس بعده، فلما فرغ نبي الله ﷺ نزل، فأتى النساء، فذكرهن، وهو يتوكأ

على يد بلالٍ، وبلالٌ باسطٌ ثوبه يُلقى فيه النساء صدقةً.

Maksudnya:

“Dari Jabir bin Abdullah r.a: Aku mendengar Nabi ﷺ bersabda: Sesungguhnya Nabi ﷺ berdiri lalu memulai dengan solat, kemudian beliau berkhutbah kepada orang-orang setelahnya. Ketika Nabi ﷺ selesai, beliau turun dan mendatangi para wanita, lalu memberi nasihat kepada mereka, sementara beliau bersandar pada tangan Bilal. Bilal membentangkan kainnya, dan para wanita meletakkan sedekah di dalamnya”. (Riwayat Bukhari)

Dalil keempat:

عن عقبة بن عامر رضي الله عنه؛ أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال إياكم

والدخول على النساء . فقال رجل من الأنصار : يا رسول الله ، أرأيت الحمو ؟

قال : الحمو الموت .

Maksudnya:

“Dari Uqbah bin Amir r.a;” Bahwasanya Rasulullah ﷺ bersabda: ‘Jauhilah kalian dari masuk menemui wanita (yang bukan mahram).’ Lalu seorang lelaki dari kalangan Anshar bertanya: ‘Wahai Rasulullah, bagaimana dengan ipar?’ Nabi ﷺ menjawab: ‘Ipar itu adalah kematian’. (Riwayat Tirmizi)

Hadis ini menunjukkan bahawa walaupun ipar ada keringanan dalam hubungan kekeluargaan, tetapi nabi tetap menegaskan pengharaman ikhtilat antara ipar duaai.

## Memahami Konteks Haram dalam *Ikhtilat*

Seperti yang sedia maklum, pengharaman sesuatu perbuatan di dalam syariah terbahagi kepada dua bahagian:

- 1- Haram Maqasid (Haram pada zat)
- 2- Haram *Wasa'il* (haram disebabkan hal lain)

### Haram Maqasid (Haram pada zat)

Menurut Ibnu Taimiah betapa pentingnya memahami pembahagian kaedah pengharaman ini bagi menjelaskan kefahaman sebenar perihal pengharaman sesuatu perkara. Contoh pengharaman pada maqasid adalah haramnya berlaku syirik kepada Allah SWT, berzina meminum arak dan sebagainya. Bagi Ibnu Taimiah, *tahrīm al-maqāsid* terkandung keseluruhananya di dalam ayat al-quran:

قُلْ إِنَّمَا حَرَّمَ رَبِّيِّ الْفُوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ وَالْإِثْمُ وَالْبَغْيُ بِعَيْرِ الْحَقِّ وَأَنْ  
تُشْرِكُوا بِاللَّهِ مَا لَمْ يُنَزِّلْ بِهِ سُلْطَانًا وَأَنْ تَقُولُوا عَلَى اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

“Katakanlah: Sesungguhnya Tuhanku hanya mengharamkan segala perbuatan keji, baik yang tampak maupun yang tersembunyi, serta dosa, pelanggaran tanpa hak, mempersekuatkan Allah dengan sesuatu yang Dia tidak menurunkan keterangan untuk itu, dan mengatakan terhadap Allah apa yang tidak kamu ketahui”. (Surah Al-A'raf: 33)

Turutan dosa-dosa yang disebut di dalam ayat ini menunjukkan tahap dosa yang besar iaitu dosa syirik kemudian diikuti dosa memperkatakan sesuatu yang tidak diketahui tentangnya, seperti mengharamkan sesuatu yang tidak di haramkan oleh Allah SWT.

Al-Qarafī (1994) antara sarjana yang meletakkan pembahagian *tahrīm maqāsid*. Menurut Soleh Uthaimin (Al-Mushayqih, K. A, 2015) kaedah dharurat yang digunakan dalam konteks ini hendaklah menepati syarat penggunaanya, antaranya :

أَنَّ الْحَرْمَ يَجُوزُ لِلضَّرُورَةِ وَأَنْ تَنْدِفعَ الضَّرُورَةُ بِهِ

Maksudnya:

“Bahawa yang diharamkan boleh dibenarkan kerana mendesak, dan keadaan yang mendesak tersebut dapat diatasi dengan perkara itu.”.

Kaedah ini menjelaskan sesuatu yang haram secara maqasid menjadi harus dalam keadaan dharurat sahaja, bukan dalam keadaan keperluan. Perkara ini sesuai dengan kaedah:

### الضرورات تبيح المظورات

Maksudnya:

“Keperluan mendesak membolehkan perkara yang terlarang”.

Ini bermaksud dalam situasi darurat, tindakan yang biasanya dilarang boleh dibenarkan untuk memenuhi keperluan yang mendesak. (Al-Jauziah, 1411 H).

### **Haram Wasa'il (alat)**

*Ikhtilat* seperti yang dijelaskan sebelum ini adalah perbuatan yang haram. Tetapi kategori haram adalah dari sudut *wasa'il* bukan dari sudut maqasid. Ibnu Uthaimin membawa kaedah:

### ما كان محظياً تحريم الوسائل فإن الحاجة تبيحه

Maksudnya:

“Apabila sesuatu yang diharamkan sebagai alat, maka keadaan memerlukan dapat menghalalkannya”.

Ini menggambarkan bahawa dalam keadaan yang perlu, perkara yang biasanya dilarang boleh dilakukan. Jika kaedah ini difahami maka pengharaman bersifat wasa'il ini akan menjadi harus dalam keadaan tertentu bagi memberi keringanan kepada manusia. Sebagai contoh harus ke pasar walaupun wujud *ikhtilat* kerana adanya keperluan membeli barang anas.

Justeru dalam permasalahan *ikhtilat*, ada dua perkara yang menjadikan ia harus:

1. Jika ada keperluan
2. Jika sunyi dari fitnah

Dari pecahan dua kategori haram tadi memberi ruang untuk para mufti menggunakan pertimbangan hukum yang jelas sama ada menggunakan situasi darurat atau situasi hajat. Jika perkara ini tidak difahami, maka akan berlaku kesalahan dalam pengeluaran fatwa yang menyebabkan sesuatu yang luas menjadi sempit, begitu juga sebaliknya.

### Penerapan *Maqasid Dakwah*

Kajian ini memberikan pandangan tentang bagaimana prinsip *maqasid dakwah* boleh diaplikasikan secara praktikal untuk mengurus dan memahami *ikhtilat*. Ini termasuk eksplorasi bagaimana prinsip-prinsip ini membimbing tingkah laku etika, mencegah perbuatan yang membahayakan, dan mempromosikan interaksi yang bermanfaat.

*Maqasid Dakwah* merujuk kepada tujuan-tujuan khusus yang diinginkan dalam dakwah Islam, iaitu usaha menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat dengan niat mencapai maslahat dan menolak keburukan.

Secara ringkasnya *Maqasid Dakwah* berdiri di atas empat prinsip utama:

1. Memastikan tercapai hidayah
2. Mendirikan syariah kepada manusia
3. Menegakkan hujah
4. Mengagungkan Allah SWT

Kesemua prinsip ini berdiri di atas rahmat. Sepertimana firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Maksudnya:

“Dan Kami tidak mengutusmu, melainkan sebagai rahmat bagi seluruh alam”. (Surah Al-Anbiya: 107)

Ayat ini menekankan bahwa Nabi Muhammad SAW diutus sebagai rahmat untuk seluruh umat manusia dan semua makhluk, menunjukkan sifat kasih sayang dan kebaikan yang dibawa oleh ajarannya (Subaiti, 2023).

### Jenis-jenis *Maqasid Dakwah*

1. **Maqasid berkaitan Isi Dakwah:** Menekankan nilai-nilai utama yang disampaikan kepada umat, termasuk keadilan, keamanan, dan kesejahteraan.

Kejelasan dalam penyampaian isi dakwah adalah penting agar masyarakat memahami tujuan dan maksud sebenar Islam. Penekanan terhadap ketulenan tauhid dan konsep keimanan yang sahih diperlukan untuk mengelakkan kekeliruan. Di sini, pendidikan agama yang diintegrasikan dengan pendidikan umum dilihat sebagai penting, memastikan generasi muda membesar dengan pemahaman yang kukuh tentang Islam.

2. **Maqasid berkaitan Pengikut Dakwah:** Membangun kesatuan dan memperkuat ikatan persaudaraan antara pengikut dakwah. Islam menekankan akhlak yang mulia seperti kejujuran, toleransi, kemurahan hati, dan saling menghormati, yang relevan dalam dakwah kepada masyarakat global. Menjadikan nilai-nilai ini sebagai contoh dalam kehidupan seharian dan mengiktiraf individu yang berakhhlak tinggi membantu memperkuat imej Islam sebagai agama kedamaian dan kemanusiaan.
3. **Maqasid berkaitan Masyarakat Dakwah:** Menyesuaikan pendekatan dakwah mengikut konteks budaya dan masyarakat.

Penggunaan pendekatan komunikasi yang sesuai membantu mendekatkan mesej Islam kepada masyarakat yang lebih luas, terutama dalam menjelaskan asas-asas Islam dan menjawab persoalan atau salah faham yang berleluasa (Subaiti, 2023).

Tiga jenis Maqasid Dakwah ini jika diterapkan ke dalam isu *ikhtilat* dan akan membuka ruang kefahaman hukum yang lebih jelas menggunakan prinsip-prinsip asas dakwah yang mengambil berat nilai akhlak, kasih sayang dan kesejahteraan masyarakat.

### Pengenalpastian Masalah dan Penyelesaian

*Ikhtilat* merupakan ujian kepada orang mukmin. Allah SWT menyebut:

(1) أَخْسِبَ النَّاسُ أَنَّ يُرْكُوَا أَنَّ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ (2)

Maksudnya:

“Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan hanya dengan mengatakan, ‘Kami telah beriman,’ padahal mereka tidak diuji?”. (Surah Al-Ankabut, 29:1-2)

Menundukkan pandangan (*ghadd al-basar*) merupakan penyelesaian terhadap permasalahan ikhtilat. Kerana *ghadd al-basar* adalah sebesar-besar ibadah. *Ghadd al-basar* mempunyai kaitan yang besar dengan *halawat al-iman*. Kerana amalan *ghadd al-basar* ini adalah amalan hati yang menghubungkan rasa kemanisan iman melalui pemeliharaan *af'al qulub*.

Menurut Ibnu Qayyim (1411 H): “Barang siapa yang menahan pandangannya dari apa yang diharamkan oleh Allah Ta'ala, maka Allah Ta'ala akan menggantikan dengan sesuatu yang lebih baik dari jenisnya. Justeru, sebagaimana dia menahan cahaya matanya dari perkara-perkara yang haram, Allah akan membuka cahaya hati dan jiwanya, sehingga dia dapat melihat apa yang tidak dapat dilihat oleh mereka yang tidak menahan pandangannya dan tidak menahan dari hal-hal yang dilarang oleh Allah Ta'ala”.

فُلَنْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَعْضُوْ مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى هُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ عِمَّا

يَصْنَعُونَ \* وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ

Maksudnya:

“Katakanlah kepada orang-orang yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangan mereka dan menjaga kemaluan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada para wanita yang beriman: Hendaklah mereka menahan pandangan mereka dan menjaga kemaluan mereka”. (Surah An-Nur, 24:30-31)

Keburukan kesan *ikhtilat* boleh diatasi melalui pesanan wahyu iaitu dengan menundukkan pandangan dan berkahwin berdasarkan hadis nabi SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنِ اسْتَطَعَ  
 مِنْكُمُ الْبَيْعَةَ فَلْيَتَرْوَجْ، فَإِنَّهُ أَغَصُّ لِلْبَصَرِ، وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ  
 بِالصَّوْمِ؛ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءَ مُتَفَقُ عَلَيْهِ.

Maksudnya:

“Dari Abdullah bin Mas'ud r.a., ia berkata: Rasulullah ﷺ pernah bersabda kepada kami: 'Wahai sekalian pemuda, barang siapa di antara kalian yang mampu untuk menikah, maka hendaklah ia menikah, karena menikah itu lebih dapat menundukkan pandangan dan lebih menjaga kemaluan. Dan barang siapa yang tidak mampu, maka hendaklah ia berpuasa, karena puasa itu adalah perisai'. (Hadis ini disepakati oleh al-Bukhari dan Muslim).

## IMPLIKASI TEORI DAN PRAKTIKAL

### Sumbangan Teori

Kajian ini menyumbang kepada pemahaman teori mengenai bagaimana Maqasid Dakwah boleh diintegrasikan ke dalam wacana tentang *ikhtilat*. Ia memperluas perbincangan akademik dengan menyediakan kerangka untuk mentafsir interaksi jantina melalui lensa Maqasid Dakwah.

### Impak Praktikal

Hasil kajian mempunyai implikasi praktikal untuk pendidik agama, pemimpin komuniti, dan pembuat dasar. Dengan memberikan garis panduan yang jelas dan strategi untuk mengurus *ikhtilat* sambil mematuhi Maqasid Dakwah, kajian ini menyokong pembangunan amalan yang praktikal dan relevan dengan konteks.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini menekankan kepentingan menyelaraskan penerapan maqasid dakwah dengan prinsip-prinsip yang mengawal interaksi jantina dan menawarkan panduan yang boleh dilaksanakan untuk memperbaiki kedua-dua pemahaman teoritis dan amalan praktikal dalam pelbagai konteks.

## KESIMPULAN

Kesimpulan di dalam kajian ini menunjukkan bahawa penerapan pendekatan Maqasid Dakwah dalam memahami *ikhtilat* dapat memberikan penyelesaian yang seimbang dan relevan untuk mengurus interaksi antara jantina dalam konteks kontemporari. Kajian ini menekankan bahawa pemahaman terhadap maqasid, yang merangkumi tujuan keseluruhan dalam dakwah Islam seperti keadilan, keseimbangan, dan menjadi teladan adalah penting untuk memastikan interaksi sosial yang selaras dengan prinsip Islam tanpa mengabaikan keperluan dan realiti sosial semasa. Melalui pendekatan ini, prinsip maqasid mampu menyediakan garis panduan yang jelas dan nuansa, yang dapat diaplikasikan dalam institusi pendidikan dan dalam konteks masyarakat yang lebih luas untuk memupuk keharmonian, keamanan, dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

## RUJUKAN

Abdel Wahed, M.M. (2022). Gender Segregation In Islamic Law, Midad AL-Adab Refereed Quarterly Journal: Vol. 26: Iss. 1, Article 7.

Ambaki Somib, N. (2019). Maqasid Ad-Dakwah Al-Islamiah Wamakarimuha fi Dau'i Al-Kitab Was-Sunnah. Mufakkirun Linnasyr Watauzi', Arab Saudi.

Firuzabadi, M. A. T. M. b. Y. (2005). Al-Qāmūs al-Muhiṭ (M. N. al-Araqusui, Ed.). Mu'assasat al-Risālah.

Ibn Baz, A. A. A. (1423 H). Tabarruj and the Danger of Women Sharing With Men in the Field of His Work, Ministry of Islamic Affairs, Endowment, Call and Guidance, Kingdom of Saudi Arabia, 1st Edition

Ibn Manzūr, M. B. M. B. 'A. Abū al-Faḍl, J. D. (1993). Lisān al-'Arab (3rd ed., Vols. 1-15). Dār Ṣādir.

Ibn 'Uthaymin, M. S. (2006). Fath dhi al-jalal wa al-ikram bi sharh bulugh al-maram (S. M. Ramadan & U. I. 'A. Bayyumi, Eds., Vols. 1-6). Al-Maktabah al-Islamiyyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Jad Ar-Rab, M. A. A. (2020). Al-Maqasid Al-Da'awiyyah min Khilal Ayat Al-Hikmah fi Al-Qur'an Al-Kareem: Dirasah Mawdu'iyyah Tahliliyyah (v. 2020).

Jami'at Al-Azhar - Kulliyat Al-Dirasat Al-Islamiyyah wa Al-'Arabiyyah Lil-Banin, Didamun bil Sharqiya.

Jawziyyah, M. A. A. (1991). *I'lām al-Muwaqqi'iñ 'an Rabb al-'Alāmin* (M. 'A. Ibrahim, Ed.). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut. Cet. 1, 1411H, 4 jilid.

Mushayqih, K. A. (2015). *Al-'Aqd al-thamin fi sharh manzumah al-shaykh Ibn 'Uthaymin fi usul al-fiqh wa qawa'iduh* (3rd ed., M. M. Al-Fahmi & I. A. Al-Humaidi, Eds.). Maktabat al-Imam al-Dhahabi.

Nuaimi, K. A. H. (2024). The Ruling on Mixing and Its Impact on Islamic Society, *Hukm al-ikhtilāṭ wa atharuhu fi al-mujtama'* al-islāmī. (2024). Majallat Diyā' al-Fikr lil-Buhūth wa al-Darāsāt, 4(khāṣ), 183-198.  
<https://ojs.diaalfekr.com/index.php/sjlb/article/view/78>

Qarafi, A. A. S. (1994). *Al-Dhakhirah* (M. Hajj, S. A'rāb, & M. B. Khibzah, Eds., Vols. 1-14). Dar al-Gharb al-Islami.

Qarah, N. A. (2022). *Hajah Al-Da'iyyah ila Allah: Min Al-Maqasid Al-Kulliyyah: Fahman wa Tanzilan*. *Jāmi'at 'Ammār Thalījī bil-Aghwāt - Kulliyat Al-'Ulūm Al-Insāniyyah wa Al-Ijtima'iyyah - Qism Al-'Ulūm Al-Islāmiyyah*.

Quud, S. A. S. (2012). *Fiqh Maqasid Ad-Dakwah Ilallah taala Wa'atharahu fi Hayati Da'iyyah*. Dar Atlas Al-Khadra, Arab Saudi.

Ridha, M. R. (1406H). *Al-Wahy al-Muhammadi*. Mu'assasat 'Izz al-Din, Beirut.

Şaqr, S. M. (2011). *Al-Ikhtilat bayna al-rijal wa al-nisa: Ahkam wa fatawa – Thimar murra wa qisas mukhziah* - Kashf 136 shubha li du'at al-ikhtilat (Vols. 1-2). Dar Al-Yusr.

Subaiti, A. A. (2023). *Maqāṣid al-Dā'wah al-Nabawiyah wa Abrāz Taṭbīqātuhā al-Mu'āṣirah*, Taif, Arab Saudi.

Ṭabarī, Abū Ja'far, M. B. J. (1994). *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Āy al-Qur'ān* (24 vols.). Dār al-Tarbiyah wa al-Turāth.